



NOTIS PERKAPALAN MALAYSIA MALAYSIA SHIPPING NOTICE

MSN 18/ 2020

JABATAN LAUT MALAYSIA

Ibu Pejabat, Jabatan Laut Malaysia, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang.

Tel: 03-3346 7777

Fax: 03-3168 5289

E-mail: kpgr@marine.gov.my

Website: <http://www.marine.gov.my>

COVID-19: KEPERLUAN KAPAL-KAPAL MALAYSIA YANG MEMASUKI PELABUHAN MARITIM CHINA

COVID-19: REQUIREMENTS FOR MALAYSIAN SHIPS ENTERING CHINA MARITIME PORTS

Notis kepada pemilik kapal, agen perkapalan, Nakhoda, pelaut, pengusaha pelabuhan, Badan Yang Diiktiraf dan industri maritim.

*Notice to ship owners, ship agents, Masters, seafarers, port operators, Recognized Organization
and the maritime industry*

Jabatan Laut Malaysia telah menerima notifikasi daripada pihak Kedutaan People's Republic of China di Malaysia memaklumkan bahawa mana-mana kapal Malaysia yang mahu memasuki mana-mana pelabuhan maritim di China mestilah mematuhi keperluan berikut:

1. Anak kapal bagi kapal Malaysia, termasuk kapal perikanan yang mahu memasuki mana-mana pelabuhan maritim di China mestilah melakukan Ujian Asid Nukleik dalam tempoh tiga (3) hari sebelum menaiki kapal, dan hanya dibenarkan menaiki kapal sekiranya memiliki sijil Ujian Asid Nukleik yang negatif. Perkara ini turut terpakai kepada kapal Malaysia yang menjalankan aktiviti pertukaran anak kapal di pelabuhan luar sebelum kapal memasuki China.
2. Bagi kapal Malaysia yang disahkan mempunyai kes COVID-19, kesemua anak kapal perlu menjalankan Ujian Asid Nukleik.
3. Semua kapal yang berkenaan mestilah mengemukakan salinan sijil ujian seperti di atas bagi pengesahan melalui ejen/syarikat perkapalan semasa melengkapkan prosedur import dan eksport pihak kastam di China.

The Marine Department has received notification from the Embassy of The People's Republic of China in Malaysia informing that any Malaysian ship wishing to enter any maritime ports in China shall comply with the following requirements:

1. *The crew of a Malaysian ship, including fishing vessel, wishing to enter any maritime port in China shall carry out a Nucleic Acid Tests within three (3) days before boarding, and shall only board the ship with negative Nucleic Acid test certificates. This is also applicable to Malaysian ships having crew replacements at overseas ports of call before entering China.*
2. *For Malaysian ships with confirmed COVID-19 case, all crew members shall carry out the Nucleic Acid test.*
3. *All applicable ships shall provide copies of the test certificates for verification through ocean shipping agencies/ shipping companies when completing the import and export procedures at Customs in China.*

4. Syarikat perkapalan dan perikanan yang berkaitan juga mestilah melakukan pemeriksaan kesihatan berkala dan beri notifikasi kepada semua anak kapal supaya menyimpan rekod kesihatan mereka yang tepat.
5. Sebarang pertanyaan tentang perkara di atas boleh dipanjangkan kepada Jabatan Laut Malaysia, Pejabat Kedutaan People's Republic of China di Malaysia atau *China Maritime Safety Administration*.

**KETUA PENGARAH LAUT
09 SEPTEMBER 2020**

4. *The related shipping and ocean fishing companies shall also conduct regular health information check and to keep control of their health status precisely.*
5. *Any enquiries relating to the above matters may be forwarded to the Marine Department of Malaysia, the Embassy of the People's Republic of China in Malaysia or the China Maritime Safety Administration.*

***DIRECTOR GENERAL OF MARINE
09 SEPTEMBER 2020***